

Nippon Paint anjur anugerah pengiktirafan pereka muda

BAGI menghargai pelajar muda yang berbakat dalam jurusan rekaan dalaman dan seni bina, Nippon Paint (Malaysia) Sdn Bhd (Nippon Paint Malaysia) baru-baru ini melancarkan Anugerah Pereka Muda 2010 untuk memberikan pengiktirafan.

Bertemakan 'Melahirkan generasi rekaan mesra alam masa depan' peserta anugerah tersebut dikehendaki menunjukkan cara projek masing-masing yang menerapkan kelestarian dari segi bahan yang digunakan, penyenggaraan, penggunaan tenaga, air dan pengurusan sisa buangan.

Pengurus Besarnya, Gladys Goh berkata, tema anugerah yang dipilih

adalah bertepatan dengan komitmen syarikat terhadap pemuliharaan alam sekitar selain sebagai pengiktirafan terhadap amalan perniagaan, operasi dan produk Nippon Paint (Malaysia) yang mesra alam.

Goh berkata, anugerah yang mendapat sokongan Persatuan Pereka Hiasan Dalaman Malaysia (MSID) dan Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) itu bertujuan memupuk dan menggalakan bakat muda di kalangan pereka dalaman dan seni bina.

"Anugerah ini dibuka kepada pelajar tahun dua program ijazah rekaan dalaman dan tahun tiga bagi program seni bina yang menuntut di pusat pengajian rekaan dalaman atau



seni bina di Malaysia," katanya.

Menurutnya, semua penyertaan lengkap mesti sampai kepada pihak penganjur sebelum 15 September 2010.

Maklumat lanjut boleh melayari www.youngdesigneraward.com.